

11 HARI 9 MALAM

PAKISTAN

Batik air

TOUR CODE: ALP09-OD

11 HARI 9 MALAM PAKISTAN

Lahore - Islamabad - Skardu - Shigar - Hunza - Hopper - Attabad - Passu - Gilgit - Naram/Besham

HARI 01 | KUALA LUMPUR - LAHORE

MM

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Lahore.


Bermalam di Lahore.

HARI 02 | LAHORE - ISLAMABAD

SP/MT/MM

Lawatan di **Islamabad**:

- The **Pakistan Monument** merupakan monument warisan yang terletak di kawasan barat Bukit Shakarparian di Islamabad. Monument ini dibina untuk melambangkan perpaduan rakyat Pakistan.



Pakistan Monument

- Bersolat di **Masjid Faisal** yang diisytiharkan secara rasmi sebagai Masjid Negara Pakistan dan merupakan salah satu masjid terbesar di dunia.

Bermalam di Islamabad.



Masjid Faisal

HARI 03 | ISLAMABAD - SKARDU

SP/MT/MM

Bertolak ke Skardu dengan menaiki penerbangan domestik.

Lawatan di **Skardu**:

- Melawat **Shangrila Resort** yang juga digelar sebagai "Heaven On Earth" disebabkan oleh kawasannya yang dikelilingi oleh kecantikan alam semulajadi yang penuh ketenangan.



Shangrila Resort

- **Upper Kachura Lake**: Tasik air tawar semulajadi yang jernih terletak di Skardu. Tasik ini menjadi tempat hidupan alam semulajadi flora dan fauna dimana anda boleh melihat tanaman bermusim seperti apricot, dan ceri.

Bermalam di Skardu.

HARI 04 | SKARDU - SHIGAR - SKARDU

SP/MT/MM

- **Sarfaranga Cold Desert** merupakan salah satu keunikan di daerah Shigar iaitu salah satu padang pasir yang mempunyai suhu yang sejuk berbanding padang pasir di negara lain. Padang pasir ini mempunyai suhu yang rendah disebabkan kawasan ini terletak pada ketinggian 7500 kaki.



Sarfaranga Cold Desert

- **Shigar Fort** merupakan mercu tanda bersejarah di Gilgit Baltistan. Pada abad ke-20, kubu ini ditinggalkan dan musnah disebabkan oleh bencana alam. Pada tahun 2004, kerajaan Pakistan menaik taraf semula kubu ini dan mengubah menjadikan kawasan pelancongan.
- **Shigar Village** terletak di Lembah Shigar yang dikelilingi oleh kawasan pergunungan dengan Sungai Shigar. Kampung ini didiami oleh orang Balti berketurunan Tibet.

Bermalam di Skardu.

HARI 05 | SKARDU - HUNZA

SP/MT/MM

- **Rakaposhi View Point** juga dikenali sebagai "Zero Point of Rakaposhi" merupakan tempat untuk melihat Gunung Rakaposhi dari jarak yang dekat.
- **The Old Silk Route** merupakan laluan sepanjang 1300km bermula dari Hassan Abdal sehingga Khunjarab Pass melalui banjaran gunung Karakorum dan kawasan Himalaya.
- Membeli-belah di **Karimabad Market** yang terkenal dengan kraftangan tempatan rakyat Hunza. Antara barangan yang boleh didapati disini adalah topi sulam, permaidani, kain, selendang serta produk batu permata 'Ruby'. Bermalam di Hunza.

HARI 06 | HUNZA - HOPPER - HUNZA

SP/MT/MM

- **Altit Fort** merupakan kubu purba yang berusia 900 tahun. Kubu ini dahulunya didiami oleh seorang pemimpin Hunza bersama keluarganya pada abad ke-11.
- Melihat keindahan **Royal Garden** di dalam Altit Fort.
- Melawat **Altit Old Village** iaitu perkampungan kebudayaan di daerah Hunza.
- **Hopper Glacier** terletak di Lembah Nagar yang merupakan sub lembah yang menakjubkan di Hunza Valley dan merupakan salah satu pemandangan ikonik yang ada di daerah Hopper. Lembah Hopper ini terbahagi kepada dua glasier iaitu Barpu Glacier dan Mier Glacier.

HARI 07 | HUNZA - ATTABAD - PASSU - GILGIT

SP/MT/MM

- Rasai pengalaman melalui **Hussaini Suspension Bridge** iaitu salah satu jambatan gantung ekstrem di dunia. Penduduk tempatan menggunakan jambatan ini untuk laluan ke kampung seberang.
- Menaiki bot di **Attabad Lake** yang terbentuk secara semulajadi selepas terjadinya tanah runtuh di perkampungan Attabad pada tahun 2010.
- **Passu Cones** terletak di Lebuh raya Karakoram yang merupakan laluan utama sektor perdagangan yang menghubungkan laluan antara Pakistan dan China. Bermalam di Gilgit.

HARI 08 | GILGIT - NARAN/ BESHAM

SP/MT/MM

- **Junction Point of World** merupakan gabungan tiga banjaran gunung besar iaitu Karakoram, Hindu Kush dan Himalayas.
- Menikmati panorama di kawasan pergunungan **Babusar Top**.
- Melawat **Lulusar Lake** iaitu tasik semulajadi yang terbesar di daerah Hazara. Tasik ini menjadi tempat habitat pelbagai spesies burung di Pakistan. Bermalam di Naran / Besham.

HARI 09 | NARAN/BESHAM - ISLAMABAD

SP/MT/MM

- Membeli-belah di **Centaurus Mall** di Islamabad yang mengumpulkan lebih 250 jenama barangan asli dari Pakistan. Bermalam di Islamabad.

HARI 10 | ISLAMABAD - LAHORE

SP/MT

- Bersolat di **Badshahi Masjid** yang dibina oleh Maharaja Mughal ke-6 Aurangzeb. Masjid ini merupakan masjid kedua terbesar di Pakistan dan masjid kelima terbesar di dunia.
- Membeli belah di **Raja/Anarkali Bazaar**. Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 11 | LAHORE - KUALA LUMPUR

Tiba di KLIA Terminal 1.



ALTIT FORT

HOTEL PENGINAPAN | 3/4* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Lahore	Falettis Xpress/Shalimar	1 Mlm
Islamabad	Grand Islamabad	2 Mlm
Skardu	Hisper Hotel/Himalaya	2 Mlm
Hunza	Famree Resort/Fairyland	2 Mlm
Gilgit	Ramada Hotel/Park Hotel	1 Mlm
Naran/Besham	Village Inn Resort/RoyalHotel	1 Mlm

JADUAL PENERBANGAN

Batik air

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 131	KUL - LHE	1715	2015
10	OD 132	LHE - KUL	2150	0550+1

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 131	KUL - LHE	1715	2015
10	OD 132	LHE - KUL	1620	0105+1

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 131	KUL - LHE	1230	1530
10	OD 132	LHE - KUL	1620	0105+1



PAKISTAN RUPEE
PKR1000

RINGGIT MALAYSIA:
MYR 17



PERBEZAAN
WAKTU

PAKISTAN
: GMT +5

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket penerbangan domestik Islamabad – Skardu kelas ekonomi.
- Penginapan hotel 9 malam bertaraf 3*/4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Shangri-la Resort, Khaplu Palace, Shigar Fort, Altit Fort dan Hussaini Suspension Bridge.
- Pengangkutan sampan Attabad Lake dan Upper Kachura.
- Pengangkutan bus persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Kos pemprosesan visa (warganegara Malaysia sahaja).
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Urusan permohonan visa (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
- Harga lawatan tambahan (optional tour): Jeep Safari USD32 seorang.
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.